

PUCUNG HITAM
Black Bittern

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Dupetor flavicollis*

CIRI-CIRI: Spesies ini biasanya dilihat semasa terbang. Individu jantan dewasa *D.f.flavicollis* mempunyai bulu berwarna hitam, tekak dan dada berwarna putih dengan jalur berwarna gelap. Pada bahagian tepi leher, terdapat warna kuning pucat manakala sayapnya berwarna hitam. Individu betina dewasa pula mempunyai warna yang lebih coklat berbanding jantan. Individu juvenil mempunyai warna seperti betina tetapi bulu pada bahagian kepala dan bahagian atas badan mempunyai pinggir yang lebih pudar manakala bahagian dada berwarna coklat kekuningan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 54 hingga 61 sm.

MAKANAN: Dietnya terdiri daripada pelbagai hidupan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT: Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan tanah lembap berpaya, paya air tawar, sawah padi dan paya bakau sehingga ke ketinggian 1,100 m dari aras laut.

BUNYI: Spesies ini mengeluarkan bunyi yang sangat kuat bagi menandakan wilayahnya.

PEMBIAKAN: Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga September. Individu betina boleh menghasilkan tiga hingga lima biji telur berwarna kebiruan hingga putih kehijauan. Sarangnya dibina pada belukar, rumput atau meniang dan berbentuk seperti platform yang ringkas.

STATUS: Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.